

Kapasiti air di Empangan Teluk Bahang, Air Itam baik

SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI
19 JANUARI 2017



Jaseni memberi penerangan kepada media berhubung kapasiti efektif air di Empangan Teluk Bahang dan Air Itam .

GEORGETOWN - Kapasiti air di kedua-dua empangan, Empangan Teluk Bahang dan Air Itam menunjukkan bacaan yang baik bagi menempuh musim kering pada setiap suku tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Ir Jaseni Maidinsa berkata, sehingga kelmarin, kapasiti efektif untuk Empangan Air Itam menunjukkan bacaan 98.1 peratus manakala Empangan Teluk Bahang 100 peratus.

Menurutnya, kapasiti Empangan Air Itam mampu bertahan sehingga 96 hari manakala Empangan Teluk Bahang boleh membekalkan air sehingga 304 hari.

"Suka saya mengumumkan, kedua-dua kapasiti air di dua empangan utama Pulau Pinang sehingga 18 Januari mencukupi pada awal tahun ini. Sehubungan itu, kita masih dengan prinsip tidak akan menjalankan catuan air kepada 575,747 pengguna berdaftar di negeri ini pada musim kering tahun ini.

"Bagaimanapun, 80 peratus air mentah di Pulau Pinang ini berpunca dari Sungai Muda. Sumber air mentah ini kita berkongsi dengan Kedah," katanya kepada media semalam.

Jaseni berkata, status kapasiti air terkini di kedua-dua empangan di Kedah iaitu Empangan Beris dan Empangan Muda agak membimbangkan.

"Sungai Muda amat penting untuk Pulau Pinang dan Kedah. Kapasiti efektif bagi Empangan Beris adalah 71.7 peratus manakala Empangan Muda 56 peratus. Dengan status kapasiti air yang ditunjukkan, ia amat membimbangkan.

"Ini kerana, Empangan Beris dan Empangan Muda berfungsi melepaskan air ke Sungai Muda ketika musim kering yang berpanjangan. Kedua-duanya juga merupakan rizab kemarau yang strategik kepada Sungai Muda," katanya.

Menurutnya, pembenihan awan adalah langkah terbaik baik untuk mengelakkan krisis bekalan air di tiga negeri utara.

"Pembenihan awan perlu dipergiatkan di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang manakala Kedah perlu mengawal pelepasan air dari kedua-dua empangan ke Sungai Muda dengan baik. Ia bagi mengelakkan krisis air pada musim kering nanti seperti tahun lalu.

"Tahun lalu, kapasiti efektif bagi Empangan Beris dan Empangan Muda mencecah tahap kritikal iaitu 24.9 peratus bagi Empangan Beris dan 14.2 peratus bagi Empangan Muda. Kerajaan Kedah dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) perlu mengawal pelepasan air dari dua empangan itu agar tidak kehabisan bekalan air sebelum musim hujan pada April atau Mei nanti," katanya.

Jaseni berkata, PBAPP menyokong Kerajaan Kedah dalam memohon tindakan segera dan campur tangan dari kerajaan Pusat.

"Ia bagi mengelakkan krisis air yang akan melibatkan lebih 4 juta pengguna serta puluhan ribu perniagaan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang," katanya.